



# Mereka 'takluk' pentas Senada Putra 19

12 finalis pelajar tahun pertama dari pelbagai bidang pengajian buktikan bakat nyanyian boleh bersinar seiring akademik

Oleh WAN ROSIDA WAN HAMAD & NURHAZLIN LYDIA MD.NAZRI

Daripada dewan kuliah ke pentas persembahan, itulah perjalanan 12 finalis Senada Putra 19 yang berjaya mencuri perhatian penonton menerusi bakat nyanyian luar biasa biarpun kebanyakannya bukan datang daripada bidang seni atau muzik.

Ada yang mengambil jurusan kejuruteraan, sains pertanian, pendidikan, perniagaan dan sains

sosial, namun minat mendalam terhadap seni persembahan menjadi titik penyatuan mereka di pentas berprestij Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

Dengan sokongan lebih 130 kru produksi, Senada Putra 19 bukan sekadar pertandingan nyanyian biasa, sebaliknya menjadi platform

mengetengahkan bakat terpendam pelajar tahun pertama serta membuktikan dunia akademik dan seni boleh bergerak seiring. Johan pertandingan menjadi milik Mohamad Haikal Aiman Abdullah dari Kolej Canselor yang berjaya memukau juri dengan persembahan penuh bertenaga dan karisma.

Tempat kedua pula disandang oleh Bibi Rosdiana Ibrahim Ali dari Kolej Dua Belas, manakala Nur 'Aina Safiyah Radzi dari Kolej Canselor melengkapkan kedudukan tiga terbaik.

Dalam pada itu, Constantine Allan Henry dari Kolej Empat Belas membawa pulang Anugerah Persembahan Terbaik.

Qudra Aleeya Maisyara Salfian dari Kolej Tun Dr Ismail pula mencuri



RAMLI MS

tumpuan apabila membolot dua pengiktirafan iaitu Anugerah Kostum Terbaik serta Anugerah Peserta Akademi Seni Senada Putra Terbaik Keseluruhan.

Kolej Canselor mengukuhkan dominasi apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Produksi Kolej Terbaik, sekali gus membuktikan kekuatan kerja berpasukan dan kreativiti luar biasa seluruh warga kolej.

Menambah kemegahan, Muhammad Aizam Syafiq Huzairi dari Kolej Canselor turut menerima Anugerah Khas Choco Albab.

Lebih membanggakan, pertandingan berprestij itu diadiri oleh barisan juri profesional yang tidak asing lagi dalam industri hiburan tanah air iaitu Datuk Ramli MS, Datuk Mokhzani Ismail serta penyanyi, Aisha Retno.

Kehadiran tiga figura besar ini sekali gus menyerahkan kredibiliti pertandingan sebagai platform seni yang berkualiti tinggi dan berprestij.

## Program beri impak besar

Sementara itu, Pengarah Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) UPM, Husnah Rizal Hussain berkata, program tersebut memberi impak besar kepada pembangunan bakat pelajar sekali gus meletakkan agenda seni budaya di kampus.

Menurut beliau, Senada Putra berjaya melahirkan ramai pelajar berbakat yang kini menjadi antara aset penting universiti dalam pelbagai acara seni dan kebudayaan.

"Alhamdulillah, impaknya memang dahsyat. Di pusat kebudayaan UPM, kami sendiri mempunyai lebih 60 pelajar yang boleh menyanyi dalam pelbagai genre hasil daripada program Senada Putra ini.



Tahniah atas penganjuran program ini yang berjaya mengetengahkan bakat baharu, sekali gus menjadi nilai tambah kepada pelajar bukan sahaja dalam akademik tetapi juga seni."

- Datuk Mokhzani Ismail

"Kami tidak berdepan masalah untuk mengetengahkan mereka ke peringkat lebih besar seperti Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia, peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa," katanya.

Tambah beliau, PKKSSAAS turut menerima permintaan daripada jabatan dan agensi luar yang memerlukan perkhidmatan persembahan nyanyian.

"Ramai sebenarnya pelajar berbakat di UPM," ujarnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa Senada Putra pada awal penganjurannya lebih bersifat apresiasi persembahan bagi meraikan bakat staf, alumni dan pelajar UPM sebelum format pertandingan diperkenalkan bermula edisi ke-13.

"Program ini bukan semata-mata untuk melahirkan penyanyi profesional kerana peserta datang daripada pelbagai latar belakang pengajian seperti kejuruteraan, sains pertanian, sains sosial dan perniagaan.

"Tetapi bakat mereka perlu diraikan supaya dapat membina keyakinan diri dan mengembangkan kemahiran insaniah," katanya. Dalam masa sama, beliau berharap legasi Senada Putra dapat diteruskan kerana seni budaya memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana kampus yang harmoni dan meriah.

"Saya harap legasi ini akan terus diperkasakan kerana mereka menjadi tunjang kepada kemegahan dan keharmonian suasana kampus. Kita mahu meletakkan agenda seni budaya dalam kalangan warga universiti," katanya.

Sementara itu, Juara Senada Putra 19, Mohamad Haikal Aiman Abdullah dari Kolej Canselor berkata, persembahan yang dibawakan pada malam akhir lahir daripada rasa



Memang layak... Constantine Allan Henry dari Kolej Empat Belas menerima Anugerah Persembahan Terbaik.

kasih terhadap adik-beradik.

Menurut pelajar Fakulti Pengajian Pendidikan itu, sebagai anak sulung dia sering dianggap garang oleh adik-adiknya.

"Biasanya anak sulung ini nampak garang dalam keluarga. Adik-adik pula fikir abang tidak sayang mereka.

"Seba itu saya pilih lagu ini untuk tunjukkan sebenarnya abang sayang mereka," katanya. Haikal turut berkongsi nasihat kepada pelajar lain yang ingin menyertai pertandingan nyanyian pada masa hadapan.

"Bila menyanyi, kita kena ikhlas. Jangan menyanyi semata-mata untuk menunjuk-nunjuk. Kalau ikhlas, apa yang kita sampaikan akan sampai kepada penonton.

"Selain itu, kena pandai urus masa. Belajar tetap keutamaan kerana tujuan kita masuk universiti adalah untuk belajar," katanya.

Mengulas cabaran menjaga suara sebagai pelajar, beliau mengukui perlu berdisiplin terutama dari segi pemakanan dan

penjagaan kesihatan.

"Tiga hari sebelum pertandingan saya demam dan suara memang belum pulih sepenuhnya. Sebagai pelajar, kadang-kadang susah nak kawal makan sebab banyak makan di luar.

"Tetapi kalau mahu jaga suara, kena kurangkan makanan berminyak, pedas dan minuman sejuk. Memang susah bila tengok kawan makan ais, tetapi kena kawal diri," katanya sambil ketawa.

Berkongsi perancangannya selepas ini, Haikal berkata, minat terhadap seni akan terus diteruskan seiring cita-citanya untuk menjadi seorang guru.

"Saya memang bakal guru dan bidang seni ini juga minat saya. Dulu saya aktif dengan sajak, syair dan deklamasi puisi.

"Nanti kami juga akan adakan mini konsert puisi di fakulti. Banyak lagi yang saya mahu belajar dan saya mahu bawa pengalaman ini kepada anak murid saya nanti," katanya.



Mohamad Haikal Aiman dari Kolej Canselor dinobatkan juara Senada Putra 19 membawa pulang wang tunai RM2,000, trofi dan selempang.

Bibi Rosdiana yang menyampaikan lagu Sumpah dinobatkan juara Senada Putra 19.